

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

FEL 308 Farmakognosi

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

. . . 2/-

1. (A) Bincangkan parameter-parameter penilaian bahan-bahan ubat alam. Beri contoh yang sesuai.

(10 markah)

- (B) Terangkan masalah yang mungkin timbul jika cara-cara penilaian ini dilaksanakan bagi tujuan pendaftaran ubat-ubat tradisional tempatan.

(10 markah)

2. Campurpalsu (adulterasi) merupakan masalah yang besar di dalam sediaan mentah bahan alam.  
Bincangkan jenis-jenis campurpalsu dengan contoh-contoh yang sesuai. Bagaimanakah campurpalsu tersebut dapat dikesan?

(10 markah)

3. (A) Apakah peranan bidang Farmakognosi di dalam penyelidikan dan pembangunan ubat tradisional tempatan?  
Bincangkan masalah yang mungkin timbul.

(10 markah)

- (B) Tulis nota ringkas mengenai  
(i) hasilan susu  
(ii) hasilan gula

(10 markah)

4. (A) Bincangkan mengenai alkaloid xantina dari sudut asal usul, jenis dan kegunaan.

(10 markah)

- (B) Terangkan cara-cara pengelasan drug di dalam bidang Farmakognosi. Beri contoh yang sesuai.

(10 markah)

5. Minyak pati (essential oils) banyak digunakan di dalam sediaan OTC dan ubat tradisional. Beri penjelasan bagi dua jenis minyak pati tentang

- (i) asal-usul
- (ii) komponen utama
- (iii) cara ekstraksi
- (iv) cara pengenalpastian dan assai
- (v) kegunaan

(20 markah)

6. (A) Tulis nota ringkas mengenai (pilih tiga sahaja)

- (i) agar
- (ii) karagenan
- (iii) gelatin
- (iv) tepung kanji

(10 markah)

- (B) Terangkan takrif glikosida. Bagaimanakah pengelasan dan biosintesis glikosida?

(10 markah)